

Aab

Pakistan - Mahathir
Oleh Ghazemy Mahmud
I

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Pakistan dengan rasminya meminta sokongan Malaysia terhadap usaha perdamaianya untuk mengakhiri Perang Teluk, kata Kementerian Luar hari ini.

Seorang pegawai memberitahu Bernama bahawa seorang wakil khas Perdana Menteri Pakistan, telah menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai perkara itu semalam.

Menteri Keretapi Pakistan, Mir Hazar Khan, menemui Datuk Seri Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri semalam dan menyerahkan sepucuk surat daripada Perdana Menteri Pakistan, Nawaz Sharif.

Wakil itu, yang yang diiringi oleh rombongan peringkat tinggi yang terdiri daripada seorang senator, anggota Parlimen dan seorang pegawai kanan dari Kementerian Luar Pakistan, berlepas ke Brunei tengah hari ini.

Sumber-sumber berkata Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu wakil itu bahawa Malaysia menghargai dan menyokong usaha Pakistan itu. -- Lagi.

06/02/19-06MST

U/PB 06-02 00137 BA416

Aab

Pakistan - Mahathir 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri juga memberitahu wakil berkenaan bahawa apa-apa inisiatif atau penyelesaian kepada krisis itu mestilah termasuk pengunduran tentera Iraq dari Kuwait, menurut sumber-sumber berkenaan.

Katanya, Malaysia tidak dapat berdiam diri melihat kemusnahan dan kehilangan jiwa yang banyak di kawasan Teluk.

Pakistan sedang mendapatkan sokongan negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bagi mengadakan mesyuarat Menteri-menteri Luar di Islamabad untuk membincang Perang Teluk dan seterusnya menubuhkan sebuah jawatankuasa perdamaian bagi berusaha menamatkan perang itu.

Pakistan, yang menghantar satu pasukan angkatan tentera untuk berjuang bersama tentera bersekutu yang diketuai oleh Amerika Syarikat dalam perang tersebut, juga menghantar wakil-wakil khas ke Afrika, Asia Barat dan Asia Selatan bagi mendapatkan kata sepakat negara-negara Islam mengenai kemungkinan mengadakan persidangan kemuncak di Islamabad. -- Bernama.